

# Qalam

---

Bilangan 26- Zulhijjah 1371 – September 1952 - \$0.60

---

## ALLAHUAKBAR

Di dalam penerbitan ini kita akan menemui dua sempena yang besar yang pertama ialah Hari Raya Korban dan yang kedua serta seterusnya yang berkait dengan erti korban itu ialah Hari Kemerdekaan Indonesia dan juga Hari Kemerdekaan Pakistan. Kita katakan keadaannya berkait kepada Hari Raya Korban itu ialah oleh kerana di dalam erti Hari Raya Korban itu dijadikan Allah untuk perhatian dan iktuan kaum Muslimin oleh kerana di dalam Hari Raya itu ditunjukkan gambaran sebenar-benar pengorbanan dan sebesar-besar persamaan makhluk Allah yang beriman kepadanya.

Allahuakbar! Tidakkah kita lihat dan kita perhati bahawasanya untuk menjadi pertunjuk kepada manusia bahawa Allah tidak khali daripada mencuba makhluk-Nya yang beriman itu dengan percubaan-percubaan yang besar – semakin tebal imannya semakin besar percubaan-percubaan yang dihadapkan kepadanya – sama ada perseorangan atau pun permasyarakatan; semuanya telah ditunjukkan di dalam riwayat Nabi Allah Ibrahim dengan anaknya Ismail alaihissalam di dalam mana suatu pengorbanan yang diberi oleh keduanya mengikut perintah Tuhan belum ada satu pun tolok bandingnya hingga hari ini. Ketulusan dan keikhlasan serta putih hati menunaikan titah perintah Allah yang menjadi asas kepada pengajaran agama itu adalah seperkara yang seutama-utamanya dibuat oleh tiap-tiap seseorang tatkala menjalankan suruhan-suruhan-Nya.

Allahuakbar! Gambaran yang ditunjukkan oleh kejadian itu adalah patut kita perhati dan tauladani untuk memerhati bagaimana caranya kita berkorban dengan putih dan

bersih hati bagi membela kemuliaan syarif diri, sama ada perseorangan atau umum, dengan sepenuh-penuhnya pengorbanan iaitu pengorbanan itu dengan tidak menyalahi perintah-perintah dan cara-cara yang ditunjukkan oleh Allah di dalam Al-Quran, dengan menyerahkan “Anak-anak kita diri kita dan harta benda kita” dengan berhabis-habisan dengan tidak berharap sesuatu faedah daripadanya untuk meninggikan agama Islam sekalipun nyawa tentangannya.

Allahuakbar! Tidakkah nun di sana, di Indonesia dan di Pakistan, buminya telah ditumpahi oleh darah mujahid-mujahid yang mengalir seperti anak sungai, penderitaan-penderitaan yang sebegitu hebat – kain tidak kerana menuntut ketinggian syarif dan kemuliaan bangsanya dan tuntutan agamanya mencari kebebasan, mencari persamaan taraf dengan lain orang – tidak mahu dijadikan hamba abdi oleh sebab di dalam tiap-tiap tahun Allah telah memberi pengajaran kepada kita di Padang Arafah tidak ada perbezaan, tidak ada raja atau rakyat, tidak ada besar atau kecil, mereka sama berpakaian serupa, tujuannya sama, perasaannya sama sebagai makhluk memperhambakan diri kepada Allah, membesarkan kekuasaan Allah, sedang mereka itu tidak berupaya walau sedikit pun melonggar atau menentang kekuasaan itu dengan mereka tidak putus-putus mengharapkan ampun dan keredhaannya.

Allahuakbar! Dengan gambaran-gambaran kebebasan yang ditunjukkan semenjak keluar daripada perut ibu kita sehingga mereka itu diberi contoh dengan menghadirkan diri tiap-tiap seorang itu di Padang Arafah dengan tidak ada mempunyai perbezaan di antara satu sama lain, dengan tidak ada terletak kepada sesuatu kekuasaan yang lain daripada Allah, maka akan redhakah mereka itu hidup terbelenggu di bawah kekuasaan orang, hidup di dalam berharap kepada tenaga orang, hidup berharap kepada belas kasihan orang yang kemudiannya nanti akan menjadi sebutan-sebutan yang tidak berkesudahannya – dan kalau tidaklah kerana pertolongan mereka itu kita tidaklah menjadi “manusia”

Allahuakbar! Demi sesungguhnya perasaan dan kebaculan kita yang sedemikian itu, tidak lain sebab-sebabnya oleh kerana

kita tidak memerhati dan tidak mempercayai dan tidak insaf kepada pertunjuk-pertunjuk yang diberi oleh Allah dengan jelasnya iaitu tiap-tiap kita dikehendaki yakin dan percaya bahawa hidup kita. Tenaga dan keadaan kita sama dengan mereka itu; pancaindera kita sama dengan mereka itu tetapi kita lemah, kita tidak mahu percaya kepada diri dan kita tidak mahu berusaha kita malas dan kita tidak mahu bertawakal atas sesuatu pekerjaan kita kepada Allah!

Allahuakbar! Gambaran yang nyata telah kita lihat! Kemerdekaan Indonesia tidak didapat melainkan dengan tumpahan darah, berdirinya negara Pakistan tidak akan timbul, kalau tidak dengan pengorbanan dan penderitaan. Semuanya itu telah dicontohkan oleh junjungan kita di dalam mana tatkala ia menyempurnakan janji Tuhan ke atas kemuliaan agama yang dibawanya itupun menghendaki tenaga dan pengorbanan yang sangat besar sehingga padang pasir yang tandus itu telah dibasahi dengan darah—ini tidak dinafikan adanya oleh sesiapa pun.

Allahuakbar! Pengorbanan-pengorbanan itu mesti ada dan selagi kita tidak mahu mengadakan pengorbanan untuk kemuliaan agama Allah dan kemuliaan yang dituntut oleh keadaan alam maka selama itulah kita akan terletak di dalam keadaan yang mendukacitakan di dalam keadaan yang bacul sama ada pada pandangan dunia ataupun pada pandangan akhirat. Kita telah membelakangkan tuntutan Allah kepada kita, untuk mencapai kemuliaan dan taraf kedudukan kita itu iaitu kita melengahkan jihad kita “dengan harta dan diri kita kepada jalan Allah”. Hubaya-hubaya jugalah nanti balasan Allah kepada kecuaiannya kita itu.

Allahuakbar! Mudah-mudahan di dalam masa kita menyambut Aidil Adha Al-Mubarak ini yang di dalamnya terkandung juga hari peringatan ulang tahun kemerdekaan Indonesia dan Pakistan itu dapatlah hendaknya kita semakin insaf kepada ertinya pengorbanan, keikhlasan dan persamaan. Apabila kita telah insaf kepada erti yang tiga ini maka baharulah kita dapat menghadapi segala percubaan-percubaan yang lebih besar dengan tabah hati dengan tidak gentar dan tidak takut kepada sesuatu

selain daripada Allah; tidak akan berganjak faham dan perdirian walaupun diugut dan diancam dengan berbagai-bagai ancaman; tidak akan berpaling dan undur kepada tujuan-tujuan walaupun ditawarkan mahligai yang sebegitu besar; tidak akan takut masuk ke liang lahad dengan seksaan-seksaan yang besar dengan kerana diugut supaya menukar keesaannya kepada Allah- dengan dipaksa meninggikan atau menuhankan orang lain.

Allahuakbar! Demi Allah sekiranya hati-hati kita telah mempunyai iman dan keyakinan yang tetap maka pada masa itu akan terserlah di mana-mana tempat kemuliaan dan ketinggian syiar Allah di merata-rata dunia ini. Ketinggian yang sedemikian itu tidak akan didapat melainkan tiap-tiap sendi masyarakat mulai dari perseorangan, rumah tangga, kejiranan dan seterusnya tidak dibina mengikut pertunjuk-pertunjuk Allah. Mudah-mudahan Allah akan memberi hidayah dan taufik kepada kita amin. Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, walillah il-hamd.

Sudah Terbit!

## **PEREMPUAN ISLAM**

Almarhum Syeikh Hasan Al-Banna penganjur “Al-Ikhwan Al-Muslimin” yang bertaburan di seluruh dunia Islam rasanya tidak payah dikenalkan kerana kemasyhurnya lebih daripada itu.

Bacalah buah fikiran di dalam risalahnya “Perempuan Islam” yang telah dibentangkan dengan jelas bagaimana kedudukan perempuan Islam yang sebenarnya di tengah-tengah masyarakat dunia. Segala ulasannya bersendikan kitab Allah dan sunnah (hadis) Rasulullah Alaihi wa salam.

Tebalnya hampir-hampir 40 muka nas-nas Arabnya berbaris. Harga senaskhah 30 sen – pos 6 sen.

Pintalah kepada penerbitnya:

**QALAM**

356 & 358, Geylang Road, Singapore 14.